

ULANGKAJI BAB 5 HINGGA BAB 8

Tulis jawapan di dalam kotak yang disediakan

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan gelaran jawatan yang digunakan oleh perwakilan negara.

Pesuruhjaya Tinggi

Apakah negara yang terlibat dalam penggunaan gelaran tersebut?

- A Singapura
- B Thailand
- C Vietnam
- D Jepun

Buku Teks ms.91

- 2 Tokoh berikut pernah mengemukakan idea berkaitan dengan gagasan Malaysia.



Sir Malcolm MacDonald

Apakah alasan yang diberikan oleh beliau terhadap cadangan tersebut?

- I Membentuk entiti politik dan ekonomi
 - II Melaksanakan dekolonisasi
 - III Menghalang Melayu Raya
 - IV Memajukan pendidikan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 3 Maklumat berikut merupakan salah seorang pemimpin yang pada mulanya menentang pembentukan Malaysia di Sabah.

Fuad Stephens

Apakah parti politik yang dipimpin oleh tokoh tersebut?

- A Pasok Momogun
- B Borneo Utara National Party (BUNAP)
- C United Sabah National Organization (USNO)
- D The United National Kadazan Organization (UNKO)

Buku Teks ms.96

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Sarawak.

Tarikh	Peristiwa
September 1966	Pengisytiharaan darurat di Sarawak

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Krisis politik
- B Rusuhan kaum
- C Ancaman komunis
- D Pemisahan Singapura

Buku Teks ms.118

- 5 Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya rusuhan kaum di Singapura pada 21 Julai 1964?

- A Tuntutan persamaan hak bagi semua kaum
- B Tuntutan pemisahan dengan Tanah Melayu
- C Tuntutan menyegerakan pembukaan pasaran bersama
- D Tuntutan mengurangkan kadar faedah pinjaman kewangan

Buku Teks ms.119

- 6 Apakah peristiwa yang membawa kepada bermulanya kewujudan gerakan komunis di Sarawak?

- A Penubuhan Pentadbiran Tentera BMA
- B Pemisahan Malaysia – Singapura
- C Pendudukan British
- D Pendudukan Jepun

Buku Teks ms.121

- 7 Laporan Rahman Talib telah dilaksanakan pada tahun 1960.

Apakah kandungan laporan tersebut?

- I Menyamakan kurikulum
 - II Melaksanakan sekolah aneka jurusan
 - III Menggabungkan semua kaum di sekolah kebangsaan
 - IV Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks ms.145

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan akta yang telah diperkenalkan di Malaysia.

Akta 32

- Akta ini telah diperkenalkan pada tahun 1967.
- Akta ini telah digubal di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Apakah isu yang ditekankan dalam akta tersebut?

- A Perpaduan kaum
B Penguasaan bahasa kebangsaan
C Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka
D Pengamalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- 9 Apakah aspek yang diberikan perhatian oleh pentadbiran British di negara kita?

- A Aspek sosial
B Aspek ekonomi
C Aspek keagamaan
D Aspek kebudayaan

Buku Teks ms.141

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan kejayaan yang dicapai oleh Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Mengurangkan kadar kemiskinan di negara kita pada tahun 1970.

Berapakah kadar kemiskinan negara pada masa tersebut?

- A 55 peratus
B 52.4 peratus
C 49.8 peratus
D 49.3 peratus

Buku Teks ms.160

- 11 Penyusunan semula masyarakat dilaksanakan melalui pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Apakah perkara Perlembagaan Persekutuan yang mempunyai kaitan dengan tindakan tersebut?

- A Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan
B Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan
C Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan
D Perkara 166 Perlembagaan Persekutuan

Buku Teks ms.177

- 12 Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di negara kita. Antara berikut, yang manakah iktibar yang diperolehi daripada pelaksanaan dasar tersebut?

- I Gigih dalam tindakan
II Berani menghadapi cabaran
III Toleransi sesama masyarakat
IV Berwaspada terhadap anasir luar
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks ms.180